



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR



Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYERAHAN SUMBANGAN MAFI PRIHATIN SELARAS DENGAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) OLEH YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I KEPADA PELAJAR POLITEKNIK DAN NELAYAN DI DAERAH JASIN, MELAKA

JASIN, (11 Julai) – YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I (MAFI) hari ini menyampaikan sumbangan bakul makanan (*Foodbasket*) MAFI Prihatin kepada pelajar dan nelayan di dua lokasi yang berasingan iaitu di Politeknik Merlimau dan Medan Ikan Bakar Serkam Pantai Merlimau, Melaka yang diuruskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Daerah Jasin, Melaka.

Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN), amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh Kementerian kepada Lembaga Pertubuhan Peladang diteruskan dengan penyampaian sumbangan MAFI Prihatin bagi meringankan beban kepada mereka yang memerlukan demi kelangsungan hidup akibat dari Pandemik Covid-19 ini.

Seramai 100 orang pelajar Politeknik Merlimau dan 300 orang nelayan di Daerah Jasin, Melaka telah menerima bakul makanan (*Foodbasket*) keperluan asas seperti beras, minyak, tepung, gula, susu dan sebagainya dari YB Timbalan Menteri I (MAFI) pada hari ini.

Gimik sumbangan keperluan makanan asas tersebut diserahkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Melaka kepada Encik Norhakim bin Ali, Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar mewakili pelajar-pelajar di Politeknik, Merlimau, dan kepada Tuan Haji Mohd Sah bin Haji Hashim, Pengerusi Persatuan Nelayan Serkam Pantai mewakili para nelayan di Medan Ikan Bakar Serkam Pantai, Merlimau, Melaka.

Sesi penyampaian ini telah diadakan secara ringkas dan mengikut Standard Operating Procedure(SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sambil disaksikan oleh Puan Hajah Norlizah Binti Muhamad, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Encik Mohd Hatta bin Zainal, Pengarah, Politeknik Merlimau, Encik Rosli bin Mustapa, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

negeri Melaka, dan Encik Ahmad Fuad bin Zakaria, Pengarah LPP negeri Melaka dengan jumlah keseluruhan sebanyak 400 bakul makanan (*Foodbasket*).

#####

Disediakan oleh:

**Bahagian Hal Ehwal Korporat,
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
11 Julai 2021**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**YBrs. Encik Ahmad Fuad bin Zakaria,
Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Melaka
Tingkat 5, Graha Peladang,
No.132, Jalan Hang Tuah,
Peti Surat 182, 75740 Melaka.**

**Telefon (Pejabat) : 06-2824310, 06-2837360, 06-2828939, 06-2828302
Telefon (Bimbit) : 0122076357
Faks : 06-2824528
E-mail : lpp_melaka@lpp.gov.my**